

13/03/1999

Pembela akan buktikan keterangan direka

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, pembela perlu mengemukakan keterangan beberapa saksi untuk membuktikan ada keterangan yang direka untuk menunjukkan kesalahan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sulaiman Abdullah, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar, berhujah bahawa pembela ingin mengemukakan keterangan saksi itu untuk menyokong dakwaan ada keterangan yang direka ke atas Anwar.

"Pembela ingin mengemukakan bahawa pihak berkuasa mengambil pelbagai langkah untuk melaksanakan skim mereka-rekakan keterangan atau bukti bagi membolehkan mereka mengena dan merancang tuduhan palsu ke atas tertuduh," katanya.

Beliau mengemukakan hujah itu berhubung cadangan keterangan yang ingin dikemukakan pembela menerusi beberapa saksi.

Hakim Datuk S Augustine Paul mengarahkan pembela dan pendakwa mengemukakan hujah berhubung kaitan keterangan itu dengan tuduhan yang dihadapi Anwar.

Paul memerintahkan hujah itu dibuat berdasarkan kepada Seksyen 136 Akta Keterangan 1950 yang memberi kuasa mahkamah memerintahkan pembela memberitahu cadangan keterangan yang akan diberikan oleh saksi.

Pembela ingin mengemukakan keterangan itu menerusi peguam Manjeet Singh Dhillon, yang mewakili Datuk S Nallakaruppan dalam satu kes lain; adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja; bekas penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Ahmad Aness dan pereka fesyen, Meor Abdul Razak Yahya.

Sulaiman berhujah bahawa mahkamah perlu meneliti secara berasingan keterangan yang dikemukakan pembela dengan keterangan pendakwa berdasarkan kepada beban yang ditanggung oleh pembela.

Katanya, motif utama pendakwaan ke atas Anwar adalah tindakan pihak berkuasa untuk melucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan daripada tertuduh.

Menurutnya, proses melucutkan jawatan itu dilakukan dua peringkat, iaitu bermula pada awal Ogos 1997 dengan menggunakan Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar membuat tohmahan salah laku seksual dan liwat ke atas Anwar.

Ummi Hafilda adalah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 dan dialamatkan kepada Perdana Menteri bersama surat bersumpah Azizan yang mendakwa diliwat Anwar.

Bagaimanapun, Sulaiman berhujah rancangan pihak berkuasa itu tidak berjaya selepas diketahui Ketua Polis Negara dan pegawai kanan Cawangan Khas yang mengambil tindakan susulan di atas alasan keselamatan negara.

Menurutnya, polis memaklumkan rancangan itu kepada Anwar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun itu. Selepas itu Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan menolak tohmahan berkenaan.

Beliau berhujah peringkat kedua menjatuhkan Anwar bermula pada tahun lalu selepas berlaku perbezaan pendapat berhubung dasar di antara kedua pemimpin itu.

Katanya, berikutan itu tohmahan pada 1997 dihidupkan semula dan polis, Ummi Hafilda dan Azizan memberi penjelasan berhubung tindakan mereka tahun itu.

"Penjelasan yang paling mudah adalah Datuk Seri Anwar mengarahkan mereka menarik balik tohmahan itu," katanya.

Peguam bela Gurbachan Singh akan menyambung hujah pembelaan pada Isnin ini.

(END)

